

BAB 16 - PERUBAHAN KERJA DAN AKAUN MUKTAMAD

16.1 Pendahuluan

16.1.1 Semasa Kerja sedang dilaksanakan akan terdapat perubahan kerja untuk disesuaikan dengan keadaan tapak bina, atau untuk menampung sebarang perubahan atau pengubahsuaian dalam reka bentuk, kualiti dan kuantiti yang diperlukan oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan. Untuk membuat perubahan kepada Kerja yang terkandung dalam Kontrak, arahan P.P. dikeluarkan melalui Arahan Perubahan Kerja (APK).

16.1.2 Bagi menyediakan Akaun Muktamad, pelarasan kepada jumlah Harga Kontrak hendaklah dibuat oleh P.P. melalui Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK). Perkara-perkara yang perlu diambilkira dalam mengeluarkan PHK adalah berikut:

- (a) Penilaian Perubahan Kerja;
- (b) Pengukuran kuantiti sementara sekiranya berkenaan;
- (c) Pelarasan Wang Kos Prima;
- (d) Pelarasan Wang Peruntukan Sementara;
- (e) Perubahan Turun Naik Harga (*Variation Of Prices*); dan
- (f) Penilaian Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan Kontraktor

16.1.3 Untuk memastikan Kontraktor dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Kontrak, adalah wajar untuk mengukur dan menilai perubahan kerja dan kerja yang diukur sementara, dan melaras Jumlah Harga Kontrak dan pelarasan-pelarasan lain yang diperlukan di bawah Kontrak secepat mungkin.

16.1.4 Akaun Muktamad disediakan secepat mungkin setelah Kontraktor menunaikan obligasinya di bawah Kontrak termasuk membaiki kecacatan, dan setelah tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan yang Kontraktor layak di bawah Kontrak telah dinilai dan diperakukan. Bayaran Muktamad kepada Kontraktor dibuat melalui Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad.